



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
BERKENAAN
PENGANJURAN GLOBAL HALAL SUMMIT (GHaS) 2026**

22 SEPTEMBER 2026 / 10 RABIULAKHIR 1448

1. Kerajaan MADANI memperkukuh pembangunan ekosistem halal negara menerusi penganjuran Global Halal Summit (GHaS) 2026 yang berlangsung dari 1 hingga 30 September 2026 bersempena Bulan Halal Negara. GHaS 2026 menjadi platform strategik yang menghimpunkan pelbagai inisiatif, kepakaran dan pemegang taruh dalam memperkasa pembangunan ekosistem halal serta memperluas jaringan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa. Majlis Perasmian GHaS 2026 akan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, pada 25 September 2026 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur.
 2. Penganjuran ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Malaysia memperkukuh dan mengetengahkan ekosistem ekonomi Islam serta halal negara di peringkat global. Kekuatan tadbir urus, institusi, kepakaran, standard dan kerjasama merentas sektor turut menyokong kedudukan Malaysia dalam ekonomi Islam global. Berdasarkan laporan State of the Global Islamic Economy (SGIE) 2025/26, Malaysia kekal di tempat pertama dalam Global Islamic Economy Indicator (GIEI) bagi tahun ke-12 berturut-turut.
 3. Dalam ekosistem halal, kekuatan Malaysia turut terserlah melalui pensijilan dan standard, termasuk pengiktirafan JAKIM terhadap 96 badan pensijilan halal di 49 negara/wilayah setakat 21 Ogos 2026. Pengiktirafan ini mencerminkan keupayaan Malaysia melaksanakan tadbir urus halal berasaskan Syariah, standard dan integriti, sekali gus menyokong keyakinan komuniti halal antarabangsa.
 4. Seiring dengan itu, GHaS menjadi wadah untuk meningkatkan kesedaran, berkongsi pengalaman dan mengetengahkan kekuatan ekosistem halal Malaysia kepada komuniti global, termasuk melalui Halal Certification Bodies Convention (HCBC) yang menghimpunkan kepakaran dan perspektif pelbagai bidang dalam pembangunan standard serta tadbir urus halal.
 5. Penganjuran GHaS 2026 turut memperlihatkan sinergi merentas kementerian, jabatan dan agensi, sekali gus mencerminkan pendekatan bersepadu Malaysia dalam memperkukuh ekosistem halal negara. GHaS 2026 diterajui oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Halal Development Corporation Berhad (HDC), Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan Islamic Tourism Centre (ITC) serta penglibatan Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM).
 6. Antara acara utama yang berlangsung sepanjang penganjuran GHaS 2026 adalah seperti berikut:
 - (i) Konvensyen Badan Pensijilan Halal Kali Ke-16 (The 16th Halal Certification Bodies Convention – HCBC) anjuran JAKIM pada 22 hingga 23 September 2026 di Le Méridien Putrajaya;
- HCBC mengangkat tema “Syariah dan Integriti: Memperkasa Ekosistem Halal Global” (Shariah and Integrity: Empowering the Global Halal Ecosystem). Pemilihan tema ini bertepatan dengan perkembangan industri halal global yang semakin kompleks. HCBC akan memberi tumpuan

kepada isu strategik dan semasa yang memberi implikasi terhadap integriti dan tadbir urus halal global, antaranya pengauditan Syariah, isu fiqh kontemporari, penggunaan alkohol dalam produk makanan dan minuman, daging kultur, pensijilan halal vaksin, kewangan Islam, peraturan import dan eksport serta prosedur pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara.

(ii) Program Pembangunan Kapasiti Teknikal Halal Antarabangsa Kali Ke-5 (The 5th International Halal Technical Capacity Development Programme – IHTCDP) anjuran JAKIM pada 22 hingga 23 September 2026 di Le Méridien Putrajaya;

IHTCDP akan memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti dan pengukuhan kompetensi teknikal dalam sektor utama halal, merangkumi makanan dan minuman serta perkhidmatan makanan, kosmetik dan farmaseutikal, serta logistik halal. Program ini menjadi platform perkongsian pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik bagi memperkukuh keupayaan peserta dalam mendepani perkembangan dan keperluan industri halal global.

(iii) The GHaS Night: Celebrating Muslim-Friendly Malaysia 2026 in Conjunction with The Global Halal Summit 2026 anjuran bersama JAKIM dan Islamic Tourism Centre (ITC) pada 22 September 2026 di Le Méridien Putrajaya;

(iv) Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) pada 23 hingga 26 September 2026 di MITEC;

(v) World Halal Business Conference (WHBC) anjuran Halal Development Corporation Berhad (HDC) pada 24 September 2026 di MITEC;

(vi) Sesi Konsultasi bagi Draf MS 2807 Sertu anjuran Jabatan Standard Malaysia (JSM) pada 3 September 2026 di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya;

(vii) Halal Paradigm 2026 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 29 September 2026 di Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM); dan

(viii) Technical Tour anjuran Islamic Tourism Centre (ITC) pada 24 September 2026.

7. Penganjuran GHaS 2026 bukan sahaja memperluas jaringan dan perkongsian kepakaran di peringkat antarabangsa, malah menyokong usaha meningkatkan keyakinan pengguna terhadap integriti sistem pensijilan halal serta membuka ruang kepada industri tempatan memperluas pengetahuan, jaringan dan akses kepada pasaran halal global. Perkongsian pengalaman, standard dan amalan tadbir urus melalui program-program GHaS turut menyumbang kepada peningkatan kompetensi, inovasi dan keupayaan industri halal negara dalam memenuhi keperluan pasaran yang semakin berkembang.

8. JAKIM yakin GHaS 2026 akan terus menjadi wadah penting dalam memperkukuh ekosistem halal Malaysia yang berteraskan Syariah, berintegriti, berdaya saing dan diyakini, di samping memperluas peranan Malaysia dalam berkongsi kepakaran, standard dan amalan tadbir urus halal dengan komuniti antarabangsa.

9. Sehubungan dengan itu, rakan-rakan media dijemput untuk membuat liputan dan membantu menguar-uarkan penganjuran GHaS 2026, khususnya Majlis Perasmian Global Halal Summit (GHaS) 2026 pada 25 September 2026 di MITEC, Kuala Lumpur, serta program-program utama yang berlangsung di bawah payung GHaS 2026.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

